

UNIMAS diiktiraf pilihan terbaik lanjutkan pengajian pascasiswazah

Mempunyai pusat penyelidikan cemerlang, kampus lengkap, yuran berpatutan

Oleh Rusnan Mustafa

KOTASAMARAHAN:Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kini semakin diiktiraf sebagai pilihan terbaik untuk melanjutkan pengajian pascasiswazah.

Naib Canselor UNIMAS Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid berkata, UNIMAS menjadi pilihan kerana mempunyai pusat penyelidikan yang cemerlang, kemudahan kampus yang lengkap dan yuran yang mampu dibayar bagi program doktor falsafah (PHD) dan ijazah sarjana.

Tambahnya, pengambilan siswazah keseluruhan setakat Februari 2012 adalah sebanyak 997 orang iaitu meningkat sebanyak 102 peratus dalam tempoh tiga tahun dari 2009 hingga 2011.

“Jumlah siswazah menunjukkan satu peningkatan yang pesat membuktikan UNIMAS semakin diiktiraf sebagai pilihan terbaik untuk melanjutkan pengajian dalam PHD mahu pun ijazah sarjana.

“Justeru, kita menasaskan jumlah pengambilan pelajar meningkat seramai 1,000 orang menjelang tahun depan



MENARIK: Dr Khairuddin (tiga kanan) melihat poster yang dipertandingkan dalam Program Siswazah 2012 semalam.

(2013),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program Siswazah 2012 di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik UNIMAS di sini semalam.

Dalam program dua hari itu yang bermula semalam,

seramai 59 siswazah menyertai pertandingan poster dan mengikuti bengkel dalam penyelidikan.

Selain itu, Khairuddin turut meluahkan rasa kebimbangan dengan peningkatan pengambilan pelajar tidak diimbangi dengan penghasilan graduan.

Jelasnya, walaupun dari segi kualiti dilihat sebagai jumlah munasabah dalam tempoh hanya tiga tahun untuk menghasilkan graduan, ia tidak sejajar dengan jumlah pengambilan pelajar.

“Satu lagi isu adalah GOT (Graduate On Time) atau lulus tepat waktu. Sekarang bukan

“Jumlah siswazah menunjukkan satu peningkatan yang pesat membuktikan UNIMAS semakin diiktiraf sebagai pilihan terbaik untuk melanjutkan pengajian dalam PHD mahu pun ijazah sarjana.”

Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid
Naib Canselor UNIMAS

sahaja penting untuk lulus tetapi lulus tepat pada masa yang ditetapkan.

“Oleh itu, saya berharap para penyelia dapat memberi tunjuk ajar serta membimbing para siswazah bagi memastikan mereka ini dapat menyempurnakan pengajian tepat pada masanya,” ujarnya.